

Pameran UiTM SEPANJANG ZAMAN

Sempena Sambutan Ulang Tahun UiTM ke-60 yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan pameran pada 14 Oktober 2016 di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC). Pameran ini akan berlangsung sehingga 31 Disember 2016.

Oleh : Pn. Wan Norizan Wan Mansor





Keratan Akhbar Mengenai Sambutan Ulang Tahun UiTM Ke-60



UiTM Still Going Strong After 60 Years, Uplifting Malay Achievements For The Greater Good Of The Community - Najib

Details Published on Friday, 14 October 2016 16:17



MalaysiaGazette

MUKA DEPAN NASIONAL POLITIK EKONOMI SUKAN DUNIA SENI HIDUP

TERKINI KDN tidak lindung Jamal - Ahmad Zahid

60 tahun UiTM angkat martabat Melayu, Bumiputera - PM

View Track
Nasional
OLEH MANZALDI MOHD AMIN DI SHAH ALAM - 14 OCT 2016 (2 WEEKS AGO)



Penyediaan Bahan Dan Maklumat Pameran



Persediaan Dan Pemasangan Bahan Pameran



Majlis

Kemuncak Khidmat Masyarakat PTAR 2016 : Ilmu Mengubah Destini (IMD) 2016 Siri 2 : Besut, Terengganu

Oleh : Cik Asmahani Abdullah



PTAR UiTM Shah Alam dan Perpustakaan Cendekiawan UiTM (Terengganu) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu, dan Fakulti Sains Gunaan UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Kemuncak Khidmat Masyarakat PTAR 2016: Ilmu Mengubah Destini (IMD) 2016 Siri 2 : Besut, Terengganu, pada 9 Oktober yang lalu. Bertempat di SMK Agama Nurul Ittifaq, Kuala Besut, Besut, Terengganu, program ini telah dirasmikan dengan jayanya oleh Yang Berhormat Dato' Seri Hj. Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia yang juga merangkap Ahli Parlimen Besut.



Pusat Pengajian Tinggi Tempatan Diminta Bersedia Wujudkan Kelas Secara 'Online'



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh (tengah) bersama tetamu melancarkan Program 'Kemuncak CSR: Ilmu Mengubah Destini 2016' di SMKA Nurul Ittifaq, Kuala Besut pada Ahad. Turut hadir Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Datuk Dr Hassan Said (tiga, kanan)

BESUT, 9 Okt (Bernama) - Pihak pengurusan Pusat Pengajian Tinggi (PPT) di negara ini perlu bersedia untuk mengendalikan kelas atau kuliah secara dalam talian seiring dengan perkembangan teknologi maklumat masa kini.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian digalakkan kerana ia telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia.

Program khidmat masyarakat yang telah bermula pada Jun 2016 ini adalah melibatkan beberapa aktiviti seperti Library Make Over: Pusat Sumber Darul Hikmah SMK Agama Nurul Ittifaq, Bengkel Pengkatalogan dan Pengkelasan Bahan bersama Guru Pusat Sumber Sekolah Negeri Terengganu Siri 2, ceramah motivasi dan kemahiran maklumat, serta pameran inovasi daripada mahasiswa Fakulti Sains Gunaan UiTM Shah Alam.

Turut sama hadir dalam sesi perasmian ini ialah Yang Berbahagia Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor UiTM, serta Yang Berhormat Mulia Tengku Zaihan Che Ku Abdul Rahman, Ahli Dewan Undangan Negeri Daerah Kuala Besut. Tahniah dan syabas kepada yang terlibat.

15 -17 Ogos 2016

Bengkel Pengkatalogan Dan Pengkelasan Guru Pusat Sumber Sekolah Menengah Negeri Terengganu : Siri 2

PESERTA : 60 orang peserta daripada sekolah-sekolah menengah daerah Besut, Setiu dan Kemaman

TEMPAT : Tanjung Demong Beach Resort, Besut, Terengganu

PENCERAMAH : Prof. Madya Hamidah binti Haji A. Rahman, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM

17 -22 Julai 2016

Transformasi Pusat Sumber Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Nurul Ittifaq, Besut, Terengganu

9 Oktober 2016

Program Festival Sains, Teknologi Dan Inovasi Festasi 2016, Fakulti Sains Gunaan

9 Oktober 2016

Program Kemuncak Khidmat Masyarakat PTAR 2016 : Ilmu Mengubah Destini (IMD) 2016 Siri 2 : Besut, Terengganu

Perasmian oleh Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia Merangkap Ahli Parlimen Besut

Program Khidmat Masyarakat PTAR 2016:
Ilmu Mengubah Destini (IMD) 2016 Siri 2:
Besut, Terengganu

Program Kemuncak Khidmat Masyarakat PTAR 2016



Program Festival Sains, Teknologi Dan Inovasi Festasi 2016, Fakulti Sains Gunaan



Program Transformasi Pusat Sumber

SEBELUM



SELEPAS



Bengkel Pengkatalogan Dan Pengkelasan Guru Pusat Sumber Sekolah Menengah Negeri Terengganu : Siri 2



Tahniah

Kumpulan OnePro dan Kumpulan Keylite dari PTAR telah mendapat Anugerah 3 Emas di Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan 2016

Oleh : Tn. Haji Azizi Bin Jantan

Kumpulan KIK (Kumpulan Inovatif & Kreatif) PTAR iaitu OnePro dan Keylite telah terpilih menyertai Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan 2016 anjuran Malaysian Productivity Corporation (MPC). Penyertaan di peringkat kebangsaan ini adalah di bawah sektor awam yang melibatkan pertandingan antara 91 pasukan dari seluruh agensi awam di Malaysia.

ANUGERAH	KUMPULAN
10 Kumpulan Terbaik	OnePro
Emas	OnePro dan KeyLITE



Tarikh : 26 - 27 Oktober 2016 | Tempat : Putrajaya International Convention Centre



Kedua-dua kumpulan KIK PTAR, One Pro & Keylite menerima sijil dan piala

Audit Pemantauan (SV3) ISO 9001: 2008 di Perpustakaan Kejuruteraan Tun Abdul Razak (PKEJ)

Oleh : Pn. Noor Hayati Abu Kassim

Tarikh : 7 Oktober 2016 | QMS Lead Assessor : Pn. Norhaida Hj Aini (Auditor Llyods) | Penemuan : Audit Bersih

Audit Pemantauan (SV3) ISO 9001: 2008 telah berlangsung di Perpustakaan Kejuruteraan Tun Abdul Razak. Tema Audit adalah perkhidmatan perpustakaan, manakala skop audit adalah perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan.

Tujuan lawatan dan penilaian ini adalah untuk menjalankan pemeriksaan Audit Pemantauan (SV3) ISO 9001: 2008 bagi memantau pelaksanaan yang berterusan dan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2008 di Perpustakaan Kejuruteraan Tun Abdul Razak.

Sekalung ucapan tahniah dan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh pihak pengurusan PTAR, JK Dokumentasi, JK Audit Dalam dan semua staf PKEJ bagi memastikan Pensijilan ISO 9001: 2008 Perpustakaan UiTM dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar.



Siri Jelajah Kursus Anjuran Jabatan Pembangunan Repositori Institusi Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak Ke UiTM Cawangan Melaka

Oleh : En. Mohd Fahizan bin Hamid

Jabatan Pembangunan Repositori Institusi Universiti (JPRIU), PTAR telah menganjurkan siri jelajah ke seluruh Perpustakaan UiTM Negeri sepanjang tahun 2016. Kursus yang diadakan meliputi :

- i) Kursus Pemantapan Pembangunan dan Pengukuran Pemilikan Bahan-bahan Bacaan/Rujukan Silibus UiTM Koleksi Perpustakaan
- ii) Taklimat Dasar Penyerahan Bahan Harta Intelekt UiTM Negeri ke Repositori Institusi UiTM

Penceramah: En. Mohd Fahizan bin Hamid, Pustakawan Kanan | **Fasilitator :** Syakirah Abd Khalid, Pustakawan Kanan
Tempat: Perpustakaan Kampus Alor Gajah, Cawangan Melaka |
Tarikh : 4 hingga 6 September 2016

Skop Kursus

- Mengenal pasti jumlah dan peratus pemilikan bacaan / rujukan silibus yang dimiliki oleh PUiTM negeri mengikut fakulti/pusat dan program yang ditawarkan oleh UiTM Negeri dan yang belum dimiliki untuk dibuat pembelian
- Menyediakan satu kaedah yang seragam bagi penandaan bacaan / rujukan silibus dalam sistem automasi PUiTM.
- Menyediakan satu laporan statistik tentang pengukuran pemilikan dan pembangunan koleksi bahan bacaan/rujukan silibus PUiTM.
- Meningkatkan bilangan penyerahan harta intelek UiTM Negeri ke Repositori Institusi UiTM
- Meningkatkan ketampakan bahan harta intelek UiTM di peringkat global
- Memenuhi keperluan sistem pengauditan MQA, ISO, badan-bahan profesional dan UiTM dalam penarafan universiti dunia

Kehadiran seramai 29 orang termasuk Pn. Rozaimah Mat Sidek Timbalan Ketua Perpustakaan UiTM Negeri Melaka, Pustakawan Kanan, Pustakawan, Pembantu Pustakawan Kanan, Pembantu Pustakawan & Pembantu Pemuliharaan.



Library & Information Week

Oleh : Cik. Seri Ida Idayu Binti Sarffuddin

Bahagian Pengurusan Pelanggan PTAR telah mengadakan *Library Info Week* sepanjang bulan September hingga Oktober 2016. Antara aktiviti yang dijalankan :-

Challenge Yourself -
Let's Shelving!



Let's Knowledge
Be Your Bff



Blind Date With
A Book



Telah diadakan pada 18 Oktober 2016
serta penyampaian hadiah

Sepanjang bulan
September - Oktober 2016
Penyampaian hadiah pada
3 November 2016



Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa

Oleh : Pn. Wan Norizan Wan Mansor



Sempena dengan Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa : Menyingkap Perjuangan bangsa yang akan diadakan pada 8 – 10 November 2016, Perpustakaan Tun Abdul Razak mengambil inisiatif untuk mewujudkan Repositori Khazanah Melayu. Bengkel *hands on* Repositori Khazanah Melayu telah diadakan sebanyak 2 siri yang melibatkan 50 orang Pustakawan PTAR pada 17 – 18 Oktober 2016 dan 26 – 27 Oktober 2016. Ia diadakan di Pusat IT, Perpustakaan Undang-Undang dan disampaikan oleh Cik Syakirah Abd Khalid.

Info Repositori Melayu

Repositori Melayu ini dibangunkan bagi menyediakan maklumat mengenai pencapaian dan kejayaan bangsa Melayu dan seterusnya didokumentasikan sebagai satu bahan rujukan di samping pengkongsian maklumat kepada masyarakat dalam memupuk semangat perpaduan dan rasa cintakan negara. Ianya juga bagi memperingati tokoh dan pejuang terdahulu yang telah menabur budi dan menyumbang bakti dalam membangunkan negara di pelbagai sektor, dengan harapan generasi kini dan akan datang lebih menghargai, bersyukur, berterima kasih, bertanggungjawab serta mempunyai cinta yang mendalam terhadap negara. Repositori Melayu ini juga boleh menjadi satu wadah dalam memupuk masyarakat tentang kepentingan budaya membaca, mempelajari dan meneladani sejarah bangsa yang lampau.

Skop :	Adat dan Budaya Melayu	Asal-Usul Melayu : Sumber Genetik	Asal-Usul Melayu : Sumber Genetik
	Ekonomi Melayu	Islam dan Keintelektualan Melayu	Kesultanan dan Pemerintahan
	Ketamadunan Melayu	Pendidikan Melayu	Sistem Undang-Undang Melayu
		Warisan Melayu	

Siri Latihan Sistem Perpustakaan (Web Based Integrated Library System - WILS) Peringkat Zon Sarawak

Oleh : Pn. Noraishah Kamardin

Tarikh : 04 hingga 14 Oktober 2016

Tempat : Bilik IT, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Samarahan 2

Penceramah : Mr. Deepak Saxena (LibSys India)

Fasilitator : En. Mohamad Fadzile Bin Abd Malek | En. Mohamad Hamidi B. Mohd Jais

Peserta : Kakitangan Perpustakaan UiTM Samarahan 1, 2 dan UiTM Sabah

Seramai 20 orang peserta yang terdiri dari staf Perpustakaan UiTM Samarahan 1 & 2 serta UiTM Sabah telah menghadiri latihan Sistem Perpustakaan WILS yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sistem PTAR Shah Alam. Bengkel ini merupakan satu keperluan dan latihan yang wajib diikuti oleh semua staf perpustakaan UiTM Samarahan 1, 2 & UiTM Sabah.

Objektif latihan ini adalah untuk :

- Memahami proses kerja Sistem Perpustakaan baharu
- Memberi pendedahan kepada staf dengan sistem bercirikan teknologi web-based



Sistem Perpustakaan WILS yang telah diadakan di Bilik IT, Perpustakaan UiTM Samarahan 2

Tazkirah Bulanan: Tanggungjawab Pasangan Bekerja

Oleh : Pn. Wan Norizan Wan Mansor



Penceramah : Ustazah Khamariah Othman | Tarikh: 28 Oktober 2016 | Masa : 8.30 - 10.00 pagi | Tempat : Dewan Seminar PTAR

Mengupas mengenai tanggungjawab suami dan isteri yang bekerja yang memerlukan keikhlasan agar mendapat pahala yang berpanjangan. Setiap pasangan perlu memahami peranan dan mempunyai batasan tertentu agar seimbang antara tugas di pejabat dengan tugas dalam rumahtangga. Ia juga adalah bagi mencapai matlamat dalam perkahwinan yang sakinah, mawadah dan warahmah yang dianjurkan oleh Islam dan diberkati Allah.



Kunjungan Ketua Pustakawan ke Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Terengganu

Oleh : Cik Asmahani Abdullah

18-19 Okt, En. Noor Hidayat Adnan, Ketua Pustakawan Perpustakaan UiTM bersama En. Ariffin Jamaludin, Ketua Jabatan Arkib Universiti, telah membuat kunjungan rasmi ke Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun, Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu dan Perpustakaan Cendekiawan Kampus Bukit Besi. Tujuan lawatan ini adalah bersempena dengan Siri lawatan Kerja Ketua Pustakawan ke seluruh Perpustakaan UiTM 2016 untuk melihat perkembangan dan pencapaian setiap Perpustakaan UiTM di samping bagi menyampaikan halatuju bagi tahun 2016.



Sekitar Lawatan Ketua Pustakawan

Majlis Bubur Assyura Perpustakaan Cendekiawan

Oleh : Cik Asmahani Abdullah

Bersempena dengan sambutan Awal Muharram 1438H, Perpustakaan Cendekiawan UiTM (Terengganu) telah mengadakan Majlis Bubur Assyura pada 26 Oktober 2016 di perkarangan

Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun. Majlis yang melibatkan semua staf perpustakaan ini merupakan program yang julung kalinya dilaksanakan di peringkat Perpustakaan Cendekiawan UiTM (Terengganu) ini diketuai oleh En. Abdul Halim Abdullah, Pembantu Pustakawan Kanan yang juga merangkap Pengerusi Kelab Perpustakaan Cendekiawan UiTM (Terengganu).

Bubur Assyura yang telah dimasak secara bergotong-royong ini turut diagihkan kepada semua staf perpustakaan serta ke bahagian-bahagian lain di UiTM (Terengganu).

Hadir sama dalam sesi mengacau bubur assyura ialah wakil-wakil staf Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu dan Bukit Besi.



TAHNIAH

Kumpulan KIK **LUMINOUS** dari Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah

telah memenangi **Tempat Ketiga** dan
Anugerah Dokumentasi Terbaik

Projek KIK : **Alat Melengkapkan Fizikal Bahan Monograf**
dalam

Mini Konvensyen KIK Zon Utara 2016 yang diadakan di
UiTM Cawangan Pulau Pinang pada
18 - 19 Oktober 2016



Oleh : En. Mohd Amiruddin Mohd Nasir


Pameran Plagiarisme

Oleh : Pn. Atirah Ruslan

Unit Perkhidmatan Maklumat, Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah mengadakan satu pameran berjudul plagiarisme di Sudut Pameran aras 1, Perpustakaan Sultan Badlishah.

Objektif Program : Menyalurkan maklumat mengenai plagiarisme kepada warga UiTM Cawangan Kedah dan tindakan yang dapat dilaksanakan untuk membendung gejala plagiat dalam dunia akademik.

Pelaksanaan Program : Pameran ini berlangsung sepanjang bulan Oktober dan tayangan video mengenai isu plagiarisme turut ditayangkan sepanjang waktu perkhidmatan perpustakaan.



Bengkel Integriti Akademik Dan Plagiarisme

Sempena berlangsungnya Pameran Plagiarisme di Perpustakaan Sultan Badlishah, Bengkel Integriti Akademik dan Plagiarisme telah diadakan pada 24 Oktober 2016.

Objektif Program :

Memberi penerangan yang lebih jelas dan tepat mengenai isu plagiarisme dan tindakan yang dapat dilaksanakan bagi membanteras isu plagiat dan memberi pendedahan mengenai teknik penggunaan perisian Turnitin.

Ceramah Integriti Akademik dan Plagiarisme telah melibatkan seramai 50 orang pelajar daripada pelbagai fakulti dan Bengkel Turnitin pula melibatkan seramai 35 orang pensyarah.



Sesi Latihan Pangkalan Data Eikon

Oleh : Pn Atirah Ruslan

25 Oktober 2016, Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Thomson Reuters telah menganjurkan satu sesi latihan pangkalan data atas talian Eikon di Sudut IT, Perpustakaan Sultan Badlishah.

Objektif Program :

Mendedahkan teknik penggunaan dan pencarian data yang lebih tepat dan jelas kepada para peserta dan memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi dengan pembekal pangkalan data berkenaan. Puan Catherine Siah telah memberi tunjuk ajar penggunaan Eikon kepada 15 orang peserta yang terdiri daripada para pensyarah dan para pelajar.



Perpindahan Koleksi Sains Ke Bangunan Baru Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan 2

Oleh : Pn. Nur Jazillah Mohamed

Setelah siapnya bangunan baru Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan 2, UiTM Cawangan Perlis, pihak pengurusan perpustakaan telah memutuskan untuk menempatkan hanya koleksi bidang sains di bangunan tersebut meliputi perkara perladangan dan agrotek, sains gunaan, senibina perancangan dan ukur, sains sukan dan rekreasi, dan sains komputer dan matematik.

Syarikat swasta telah dilantik untuk memindahkan sebanyak 35,000 naskah buku dari rak terbuka, rujukan dan majalah dari bangunan lama. Kerja-kerja pemindahan berlangsung dari 17 hingga 21 Oktober 2016.

Perpustakaan ini secara rasminya akan memulakan operasi pada 1 November 2016.



Tazkirah Bulanan: Amalan Meringankan Azab Kubur



Tajuk : Amalan Meringankan Azab Kubur

Penceramah : Al-Fadhil Ustaz Ahmad Daud

Tarikh : 26 Oktober 2016

Masa : 3.00 – 5.00 petang

Tempat : Bilik Seminar Perpustakaan

Peserta : Kakitangan perpustakaan, pensyarah dan dari unit-unit lain

Intipati : Bahawa seseorang yang beriman itu boleh mengamalkan 4 perkara utama bagi meringankan azab kubur, iaitu menjaga solat 5 waktu, memperbanyakkan sedekah, sentiasa berdoa, dan rajin membaca Al-Quran Al-Karim.



Tahniah

Pengurniaan Darjah, Bintang Dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka Sempena Hari Jadi Ke-78 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka Tahun 2016

Oleh : Pn. Hazlin Ibrahim Khan

Sekalung tahniah diucapkan kepada 2 orang staf Perpustakaan UiTM Melaka, Puan Rozaimah Binti Mat Sidek, Timbalan Ketua Pustakawan dan En. Nazri Abu Bakar, Pembantu Pustakawan Tertinggi Perpustakaan UiTM Melaka yang telah menerima Anugerah Bintang Khidmat Tertinggi (B.K.T) sempena Hari Jadi ke-78 Tuan Yang Di-Pertua Negeri Melaka Tahun 2016 pada 14 Oktober 2016.



Puan Rozaimah Binti Mat Sidek



En. Nazri Abu Bakar

Lawatan Sempena Latihan Keusahawanan Antarabangsa : Pelancongan Islam-IAN Mataram, Indonesia

Pada 25 Oktober 2016, Perpustakaan Kampus Bandaraya telah menerima lawatan seramai 26 orang pelajar daripada Pelancongan Islam - IAN Mataram, Indonesia. Lawatan selama 1 jam di sekitar perpustakaan Aras 1 dan Aras 12 yang telah diberikan taklimat ringkas oleh Puan Siti Haidah Md Aziz dan Cik Ilya Nur Fateen Othman.



Lawatan seramai 26 orang pelajar daripada Pelancongan Islam - IAN Mataram, Indonesia

Pameran Tuan Yang Terutama (TYT) Negeri Melaka sempena perantikan semula Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka

Oleh : Pn. Hazlin Ibrahim Khan

Bermula pada 14 Oktober 2016, Perpustakaan UiTM (Melaka) Kampus Jasin telah mengadakan Pameran Tuan Yang terutama (TYT) Negeri Melaka sempena perantikan semula Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka. Pameran ini diadakan dengan kerjasama Muzium Yang di-Pertua Negeri Melaka & Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).

Pameran ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna perpustakaan mengenai sejarah gabenor Negeri Melaka bermula dari yang pertama sehingga kini. Pelbagai inisiatif digunakan dalam menarik minat pengguna mengunjungi pameran ini termasuklah bekerjasama dengan pihak PERZIM bagi mendapatkan maklumat yang benar serta mendapatkan koleksi-koleksi peribadi yang boleh dipamerkan. Selain itu juga, risalah serta pamflet yang dibekalkan oleh pihak PERZIM turut diedarkan kepada pengguna. Pameran ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengguna berdasarkan jumlah pengunjung yang melawat.



**PAMERAN
TUAN YANG TERUTAMA
(T.Y.T)
NEGERI MELAKA
SEMPENA
PERLANTIKAN SEMULA
TUN DATUK SERI UTAMA
MOHD KHALIL BIN YAAKOB**

sebagai

**YANG DI-PERTUA
NEGERI MELAKA**

PERPUSTAKAAN UiTM
(MELAKA) KAMPUS
JASIN



Taklimat 'Plagiarism' & Endnote Software

Pada 19 Oktober 2016, seramai 70 orang pelajar semester 5 Fakulti Sains Komputer telah terlibat di dalam Taklimat mengenai 'Plagiarism' & Endnote Software yang disampaikan oleh En. Ismail Abidin, Pustakawan Kanan dan Cik Nurayuni Dayana, Pustakawan di Bilik Seminar Perpustakaan UiTM Melaka Kampus Jasin. Taklimat ini diadakan atas permintaan pensyarah bagi menyampaikan fungsi dan peranan serta perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan bagi mengelakkan berlakunya plagiarisme dalam penulisan akademik. Sesi taklimat ini telah berlangsung selama 3 jam.



Taklimat mengenai 'Plagiarism' & Endnote Software

Minggu Pelupusan (Dalamn)

Oleh : Pn. Zuraida Abdul Karim

Jawatankuasa 5S Induk UiTM Sarawak telah mengadakan Minggu Pelupusan (Dalamn) pada 17 hingga 21 Oktober 2016 yang lalu bagi semua Bahagian/Unit di UiTM Sarawak Kampus Samarahan 1. Semua staf PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah memberi komitmen yang baik dalam melaksanakan aktiviti yang dirancang selama 5 hari itu di PTAR Kampus Samarahan 1. Minggu Pelupusan tersebut bukan hanya fokus kepada bahan-bahan pelupusan malahan juga susun atur kedudukan pejabat serta membuat tapisan dokumen-dokumen untuk disimpan atau dilupus.

Antara pengisian utama program berkenaan termasuklah menyemak dan menilai jenis barangan/aset, menyemak status barangan/aset yang ada, membuat sisih barangan/aset yang ada, serta mengisi dan melengkapkan borang yang telah diedarkan oleh Unit Pelupusan Harta / Inventori, Pejabat Bendahari. Program berkenaan telah dijalankan dengan jayanya dan mampu memperkasa semangat kerjasama berpasukan di antara staf PTAR UiTM Cawangan Sarawak.



Hari Perlupusan Aset UiTM Sarawak

Hari Pelupusan Aset UiTM Sarawak (Gotong Royong Perdana) yang dianjurkan oleh Jawatankuasa 5S Induk UiTM Sarawak yang mana melibatkan semua Bahagian/Unit telah diadakan pada 24 Oktober 2016 bermula jam 8.00 pagi. PTAR UiTM Cawangan Sarawak turut mengambil bahagian dalam program berkenaan dan telah melibatkan semua staf PTAR UiTM Sarawak. Kawasan yang diberi perhatian adalah PTAR Kampus Samarahan 1. Penganjuran program seperti ini amat baik kerana dapat membudayakan amalan 5S di dalam tugas harian, memperkasakan semangat kerjasama berpasukan, serta merangsang pemikiran kreatif dan inovatif dalam pelaksanaan tugas harian. Komitmen semua staf PTAR UiTM Cawangan Sarawak dalam aktiviti ini sangat memuaskan. Syabas diucapkan.



TAHNIAH & SYABAS

diucapkan kepada staf Perpustakaan yang telah berjaya menamatkan pengajian dan menerima Ijazah Sarjana & Diploma pada Istiadat Konvokesyen UiTM Ke - 85 (23 Okt 2016)



Asmahani Abdullah

Pustakawan Kanan
Perpustakaan Cendekiawan,
UiTM Cawangan Terengganu



Siti Aishah Sadan

Pustakawan Kanan
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
UiTM Shah Alam



Sarjana Sains Pengurusan Maklumat (IM770) - Flexible Learning Program (FLP)
Fakulti Pengurusan Maklumat

Mohd Paizal Bin Usman

Pembantu Pustakawan
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
UiTM Shah Alam



Diploma Pengurusan Maklumat
Fakulti Pengurusan Maklumat